



**ZAKAT PULAU PINANG
MAJLIS AGAMA ISLAM NEGERI PULAU PINANG (MAINPP)**

NOTIS JAWATAN KOSONG

ZAKAT PULAU PINANG adalah sebuah entiti di bawah **MAINPP** yang bertanggungjawab menguruskan kutipan dan agihan zakat di negeri Pulau Pinang. Visi kami adalah untuk mengungguli usaha mewujudkan keseimbangan sosio-ekonomi ummah melalui sistem pengurusan zakat yang profesional dan berteknologi.

Zakat Pulau Pinang, MAINPP memberi kemudahan kepada masyarakat Islam khususnya di Pulau Pinang bagi mendapatkan perkhidmatan pembayaran zakat mahupun bantuan daripada sumber dana zakat yang diperolehi daripada para muzakki.

Bagi memastikan hasrat dan tanggungjawab ini tercapai, kami memerlukan calon-calon yang berkebolehan dan bermotivasi tinggi serta berminat membina kerjaya dengan kami bagi mengisi kekosongan yang ada.

JAWATAN

1. **EKSEKUTIF (UNDANG-UNDANG)**
2. **PENOLONG EKSEKUTIF (PERAKAUNAN)**
3. **PENOLONG EKSEKUTIF (DAKWAH KORPORAT)**
4. **PENOLONG EKSEKUTIF (DAKWAH AM)**
5. **KERANI (KHIDMAT KAUNTER)**

SYARAT-SYARAT KELAYAKAN

Keutamaan diberikan kepada calon-calon yang berpengalaman / mempunyai pekerjaan tetap yang memiliki **kelayakan yang bersesuaian** dan diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau luar negara.

1. EKSEKUTIF (UNDANG-UNDANG)

- 1.1 Memiliki Ijazah Sarjana Muda dalam bidang **Undang-Undang**, atau lain-lain kelayakan berkaitan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan;
- 1.2 Berpengalaman sekurang-kurangnya 3 - 4 tahun dalam bidang undang-undang dan dalam hal-hal berkaitan. Antara tugas bagi jawatan ini adalah seperti berikut:
 - i. Menguruskan semua hal berkaitan perjanjian di antara syarikat dengan pihak ketiga.
 - ii. Memberi nasihat kepada syarikat dari sudut undang-undang dalam semua hal berkaitan pengoperasian dan pentadbiran.
 - iii. Menyimpan dan merekod segala dokumen berkaitan undang-undang.
 - iv. Menjadi sumber rujukan kepada mana-mana urusan berkaitan dengan perkara-perkara seperti berikut:
 - a) Penggubalan dan Pelaksanaan Polisi
 - b) Urusan Perundangan dan Penguatkuasaan
 - c) Urusan Pendakwaan dan Perbicaraan
 - d) Urusan Kontrak Perjanjian

2. PENOLONG EKSEKUTIF (PERAKAUNAN)

- 2.1 Memiliki Diploma dalam bidang **Perakaunan atau Kewangan**, atau lain-lain kelayakan berkaitan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan;
- 2.2 Berpengalaman sekurang-kurangnya 2 - 3 tahun dalam bidang perakaunan dan dalam hal-hal berkaitan. Antara tugas bagi jawatan ini adalah seperti berikut:
 - i. Menguruskan semua hal berkaitan transaksi yang melibatkan akaun zakat.
 - ii. Mengendalikan asas akaun dengan baik.
 - iii. Menyusun dan mengemaskini data akaun.
 - iv. Mendokumentasi dokumen utiliti dan bil-bil berkaitan.
 - v. Menguruskan kerja-kerja am akaun.
 - vi. Menyediakan laporan perakaunan bulanan dan tahunan.

3. PENOLONG EKSEKUTIF (DAKWAH KORPORAT)

- 3.1 Memiliki Diploma dalam bidang **Perakaunan atau Pengajian Perniagaan** atau lain-lain kelayakan berkaitan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan;
- 3.2 Berpengalaman sekurang-kurangnya 2 – 3 tahun dalam bidang tersebut, pemasaran dan dalam hal-hal berkaitan. Antara tugas bagi jawatan ini adalah seperti berikut:
 - i. Menyebarluaskan maklumat bagi meningkatkan kesedaran mengenai Zakat Perniagaan kepada masyarakat Islam di Pulau Pinang melalui aktiviti-aktiviti seperti ceramah, khutbah, edaran risalah dan sebagainya.
 - ii. Memberi bimbingan taksiran Zakat Perniagaan kepada syarikat dan individu.
 - iii. Melakukan kutipan zakat kepada syarikat dan individu.
 - iv. Menyediakan perancangan mingguan dan laporan bulanan.

4. PENOLONG EKSEKUTIF (DAKWAH AM)

- 4.1 Memiliki Diploma dalam bidang **Pengajian Islam** atau lain-lain kelayakan berkaitan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan;
- 4.2 Berpengalaman sekurang-kurangnya 2 - 3 tahun dalam bidang Pengajian Islam, Dakwah dan dalam hal-hal berkaitan. Antara tugas bagi jawatan ini adalah seperti berikut:
 - i. Melaksanakan segala aktiviti dakwah berkaitan ibadah zakat.
 - ii. Menyampaikan ceramah, khutbah dan taklimat.
 - iii. Menyusun dan merancang kempen zakat di bahagian yang ditetapkan.
 - iv. Membantu mengemaskini perancangan aktiviti dan menyediakan laporan berkaitan bidang tugas.
 - v. Membantu pegawai melaksanakan tugas-tugas khas.

5. KERANI (KHIDMAT KAUNTER)

- 5.1 Memiliki sekurang-kurangnya SPM atau mana-mana kelayakan yang sama taraf dengannya;
- 5.2 Mempunyai sekurang-kurangnya 2 tahun pengalaman kerja dalam hal-hal berkaitan. Antara tugas bagi jawatan ini adalah seperti berikut:
 - i. Bertugas di kaunter ZPP mengikut jadual dan lokasi yang telah ditetapkan.
 - ii. Menerima bayaran zakat dan memproses permohonan bantuan zakat;
 - iii. Memberikan khidmat di kaunter van bergerak dan kaunter pameran apabila diperlukan.
 - iv. Berupaya memberi layanan yang terbaik kepada pelanggan.

SYARAT-SYARAT AM KELAYAKAN

1. Warganegara Malaysia, beragama Islam dan berumur tidak kurang 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
2. Calon-calun mestilah lulus sijil SPM / SPMV atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan; dan
3. Calon-calun juga perlu mempunyai pengetahuan asas tentang agama Islam khususnya mengenai zakat, berkebolehan membaca Al-Qur'an dengan baik dan menjaga solat.

CARA MEMOHON

1. Calon yang berminat dan memenuhi semua syarat-syarat, sila kemukakan:
 - i. Borang Permohonan Kerja yang boleh dimuat turun di laman web <http://www.zakatpenang.com> atau boleh diambil di ibu pejabat Zakat Pulau Pinang.
 - ii. Mengemukakan Borang Permohonan Kerja beserta resume dan Curriculum Vitae terbaru (CV) yang mengandungi butir-butir peribadi, kelayakan akademik (sertakan salinan sijil yang berkaitan), pengalaman kerja dan sekeping gambar bersaiz pasport. Sila nyatakan gaji terkini dan gaji yang dipohon.
2. Hanya permohonan berikut akan diterima:
 - i. Lengkap dan terang.
 - ii. Salinan dokumen-dokumen yang dilampirkan perlu disahkan oleh Pegawai yang berkeelayakan.
 - iii. Memenuhi syarat-syarat kelayakan yang dikehendaki.
 - iv. Disertakan gambar berukuran pasport atau salinan dokumen yang diperlukan.
 - v. Ditandatangani.

Permohonan Dikemukakan Kepada:

**PENGURUS BESAR
JABATAN KHIDMAT PENGURUSAN
ZAKAT PULAU PINANG
Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang
No.4, Jalan Perda Selatan, Bandar Perda
14000 Bukit Mertajam, Pulau Pinang**

Semua permohonan adalah sulit dan calon yang berkeelayakan dan disenarai pendek sahaja akan dipanggil untuk temuduga. Permohonan mestilah sampai kepada pihak kami sebelum atau pada **25hb Disember 2020 (Jumaat)**.